



KEMENTERIAN KOMUNIKASI  
DAN MULTIMEDIA MALAYSIA

## **KENYATAAN MEDIA**

---

### **TIMBALAN MENTERI KKMM POSITIF COVID-19**

YB Datuk Zahidi Zainul Abidin, Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia disahkan positif COVID-19 setelah menerima keputusan ujian saringan awal pagi tadi.

Beliau menjalani ujian saringan COVID-19 sejeurus tiba di Kuala Lumpur dari Pulau Pinang pada 11 Januari 2021 (Isnin) yang lalu.

Beliau telah dibawa ke Hospital Sungai Buloh, Selangor untuk menjalani rawatan lanjut mengikut garis panduan yang telah ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia.

Terdahulu pada 25 Disember 2020 (Jumaat) beliau telah menjalani ujian saringan COVID-19 dan keputusannya ialah negatif.

YB Datuk Zahidi kini berada dalam keadaan yang stabil dan memohon maaf atas segala kesulitan yang timbul. Beliau juga berdoa agar Allah SWT mempermudah urusan semua yang terlibat.

**PEJABAT TIMBALAN MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA  
PUTRAJAYA**

**13 JANUARI 2021**